



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 4 APRIL 2016    |

## Terhina, terluka <sup>UM</sup> - 4/4/2016 tindakan Dr. Mahathir

**IPOH 3 April** - Veteran UMNO mengakui berasa amat terluka dan terhina dengan tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang bersekongkol dengan pembangkang untuk menjatuhkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pengerusinya, Tan Sri Tajol Rosli Ghazali (**gambar**) berkata, adalah satu hakikat yang amat berat untuk diterima apabila Dr. Mahathir berdiri satu pentas dengan pembangkang yang selama ini menganggap UMNO adalah musuh politik nombor satu mereka.

Menurut beliau, tindakan seumpama itu tidak dapat diterima walaupun dalam dunia politik sering disebut sebagai 'matlamat menghalalkan cara'.



"Namun, jika negarawan tersohor seperti Tun sanggup menggadai maruah diri dengan bersekongkol dengan pembangkang yang selama ini menjadi musuh beliau dan UMNO, adalah sukar untuk veteran UMNO menerima hakikat ini.

"Sayang dan hormati kami kepada Tun bagaikan berkecai. Maaf, bukan kerana kami tidak sayangkan Tun tetapi kami lebih sayangkan UMNO," katanya ketika berucap dalam Himpunan Veteran UMNO Perak di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir.

Lebih 1,000 orang menghadiri perhimpunan pertama veteran UMNO yang bertujuan mengisytiharkan aku janji sokongan dan kesetiaan tidak berbelah-bahagi terhadap Najib yang juga Presiden UMNO.

Tajol Rosli berkata, perjuangan UMNO sudah menempuh pelbagai ujian dan halangan, namun ujian kali ini dilihat luar biasa kerana serangan terhadap parti diketuai oleh Dr. Mahathir sendiri.